



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832545
Faks : 603-88895542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK H1N1 2009 DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA Bagi Minggu Epid 52/2009 (27 Disember 2009 – 02 Januari 2010)

Dalam tempoh seminggu yang lepas (27 Disember 2009 – 02 Januari 2010) seramai 253 pesakit baru dengan simptom *Influenza-Like Illness* (ILI) telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan, sementara 294 kes pula telah discaj keluar. Baki kes ILI yang masih dirawat di seluruh negara pada hari terakhir minggu epid 52/2009 (2 Januari 2010) adalah sebanyak 234 kes di 42 buah hospital termasuk 3 hospital swasta. Daripada jumlah tersebut, hanya 13 pesakit atau 5.6% merupakan kes Influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal. Sehingga 2 Januari 2009, jumlah terkumpul kes positif influenza A(H1N1) adalah 12,307. Untuk makluman, terdapat 2 kes H1N1 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi(ICU). Seorang daripadanya merupakan kanak-kanak kanak-kanak yang berusia dibawah 5 tahun. Tiada kematian baru kes H1N1 dan jumlah terkumpul kekal 77 bagi tahun 2009.

Penularan jangkitan influenza A(H1N1) masih aktif khususnya di negara-negara beriklim sederhana di Hemisfera Utara. Penularannya terus meningkat di Eropah Timur dan Selatan serta di Asia Barat dan Tengah. Kesemua kes influenza A yang dikesan di negara-negara di Eropah adalah disebabkan oleh jangkitan virus influenza A(H1N1). Sementara itu, jumlah kematian akibat jangkitan influenza A(H1N1) di seluruh dunia sehingga 27 Disember 2009 adalah melebihi 12,220 kes, iaitu meningkat 6% berbanding dengan minggu sebelumnya.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengingatkan masyarakat bahawa Influenza A (H1N1) masih aktif di Malaysia, begitu juga

diperingkat global, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) masih lagi mengekalkan tahap *pandemic alert* pada fasa 6, tahap tertinggi yang telah diistiharkan sejak 11 Jun 2009. Justeru, orang awam dinasihatkan untuk terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 terutamanya mereka-mereka yang bersimptom.

Memandangkan sesi persekolahan pada tahun 2010 telah bermula, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengingatkan ibubapa dan masyarakat agar berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang telahpun terbukti berkesan. Guru-guru dan ibubapa haruslah memastikan pelajar-pelajar sentiasa berada dalam keadaan sihat. Ibubapa dan guru-guru perlu memantau tahap kesihatan pelajar semasa mereka berada di rumah dan sekolah. Sekiranya pelajar-pelajar mengalami tanda-tanda Influenza A(H1N1), mereka perlu dirujuk untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan oleh ibubapa serta anak-anak mereka adalah:

- a) Bagi pelajar yang mengalami demam, batuk dan sakit tekak; mereka perlulah mendapat rawatan dengan segera terutamanya mereka dari golongan berisiko tinggi jangkitan H1N1 dan tinggal di rumah dan tidak ke sekolah. Para pelajar boleh ke sekolah apabila telah sembuh;
- b) Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang bersimptom jangkitan H1N1 atau *influenza like-illness(ILI)*;
- c) Basuh tangan dengan kerap menggunakan air atau sanitiser, terutamanya selepas batuk atau bersin;
- d) Pakai penutup hidung dan mulut jika mempunyai tanda-tanda demam selsema seperti demam, batuk dan sakit tekak dan jangan mengunjungi tempat awam untuk elakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain;
- e) Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah

digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan;

- f) Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai agar tidak memandang ringan atau mengabaikan langkah-langkah pencegahan Influenza A(H1N1) yang telah diumumkan sebelum ini. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan Influenza H1N1 serta langkah-langkah pencegahan boleh memperolehnya melalui laman web <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

06 Januari 2009